

# Mahathir kesali tindakan DAP

27 JUL 1986

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas DAP kerana mencari pelbagai helah untuk menengguhkan pilihanraya umum yang akan diadakan pada 2 dan 3 Ogos ini.

"Saya hairan kenapa DAP ingin mengambil tindakan mahkamah untuk membatalkan pilihanraya," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Menurut Perdana Menteri, beliau beranggapan bahawa DAP juga ghairah untuk menghadapi pilihanraya umum, tetapi bila tarikh pilihanraya diumumkan, mereka pula hendak mengambil tindakan mahkamah.

"Kalau tidak bersedia menghadapi pilihanraya janganlah pula cuba membuat kacau," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, pada masa ini seluruh negara mahu pilihanraya umum diadakan segera.

Beliau berkata, kerajaan sudah memberi masa yang cukup untuk semua pihak, termasuk DAP mengadakan persiapan menghadapi pilihanraya umum.

Katanya, selama ini semua pihak memperkatakan soal pilihanraya dan pada anggapannya,

mereka sudah bersedia menghadapinya.

"Sebab itu kita teruskan keputusan menetapkan tarikh pembubaran Parlimen dan mengadakan pilihanraya.

"Tetapi kini DAP pula mendakwa keputusan kerajaan itu salah dan hendak mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan," tambahnya.

Mengenai Pas, Perdana Menteri yakin parti itu akan meletakkan calon yang berkelayakan untuk bertanding menentang beliau di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Kedah.

## Melarang

Sementara itu, di Mahkamah Tinggi di sini hari ini, DAP mengemukakan permohonan untuk melarang Suruhanjaya Pilihanraya daripada menerima penamaan calon Khamis ini dan mengadakan pilihanraya umum pada 2 dan 3 Ogos depan.

Hakim Datuk Harun Hashim akan mendengar permohonan itu esok jam 9 pagi, dalam kamarnya.

Tarikh awal itu diperoleti setelah parti berkenaan mengemukakan sijil kesegeraan (certificate of urgency).

Permohonan itu dikemukakan oleh Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, yang juga Ahli Parlimen Kota Melaka. Timbalan pengerusi parti itu, Encik Karpal Singh, yang juga Ahli Parlimen Jelutong, Pulau Pinang, dan bertindak sebagai peguam parti itu turut hadir.

Encik Lim mahu perisytiharan mahkamah dan perintah sementara melarang suruhanjaya itu, kakitangannya, suruhannya atau ejennya daripada menerima pencalonan pada 24 Julai ini berhubung pilihanraya kawasan Parlimen dan Negeri Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Sabah dan Sarawak.

Beliau juga mahu perisytiharan mahkamah dan perintah sementara melarang suruhanjaya itu, kakitangannya, suruhannya atau ejennya daripada mengadakan atau mengendalikan pilihanraya pada 2 dan 3 Ogos ini berhubung pilihanraya kawasan Parlimen dan Negeri Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Sabah dan Sarawak.